

18/06/2003

Kasino: Pelabelan Pas hina raja, bangsa Melayu

Yope Key-Dare

PARTI pembangkang Pas nampaknya terus dengan kesukaannya melabelkan yang buruk pada sesuatu perkara demi mempengaruhi rakyat terbanyak agar turut memburukkan perkara itu.

Terbaru ialah label Pahang Darul Kasino yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur pimpinan Barisan Nasional (BN) yang diketuai Menteri Besar, Datuk Sri Adnan Yaakob.

Label ini bermula dengan sebuah tulisan dalam akhbar parti itu yang dikatakan dicetuskan oleh penulis bukan Melayu dari bahagian bahasa Inggerisnya. Ia dijaja dalam akhbar itu dan menerusi ceramah parti serta menerusi kain rentang.

Ini berikutan kepercayaan Pas bahawa Kerajaan Persekutuan meluluskan lesen bagi pengwujudan sebuah kasino di Bukit Tinggi - kononnya yang kedua terbesar di negara dan Pahang selepas di Genting Highlands.

Sungguhpun kepercayaan ini meleset, khususnya dengan kenyataan Perdana Menteri bahawa Kerajaan Persekutuan tidak memberikan kelulusan sebegitu, namun seperti biasa demi kepentingan politik, Pas tidak mahu mengendahkannya.

Samalah Pas tidak mahu mengendahkan betapa pemaju pusat peranginan di Bukit Tinggi itu sudah menghentikan operasi mesin slotnya berikutan arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mendapati kelulusan lesen untuknya bagi kegiatan kelab saja, disalahgunakan.

Kepada Pas, isu Pahang Darul Kasino memberikan keberuntungan politik kepadanya, lalu apapun penjelasan kerajaan termasuk oleh kepemimpinan negeri tidak perlu dihiraukan.

Maka terus-terusanlah ia menjaja ke sana-sini isu Pahang Darul Kasino. Tidak mengapa bagi Pas bahawasanya istilah yang diunjurkan oleh penulis bukan Melayunya itu boleh mengguris perasaan orang Melayu termasuk kemungkinan Raja Melayu sendiri yang sebelum ini menyetujui akan gelaran Darul Makmur atau "Negeri yang Makmur" sebagai gelaran rasmi bagi negeri Pahang ini.

Dalam hal ini, dari satu segi, pelabelan Pahang Darul Kasino oleh Pas boleh juga kita lihat sebagai satu penghinaan kepada orang Melayu dan Raja Melayu di negeri ini.

Penulis bukan cuba membabitkan institusi raja dalam isu ini, namun itulah gambarannya. Elok-elok nama Pahang Darul Makmur tiba-tiba demi politik kepartian Pas, nama yang sudah baik dan mendapat perkenan Ke Duli Tuanku diubah menjadi buruk kepada Pahang Darul Kasino.

Sebenarnya, inilah cara mudah PAS memperlekehkan Kerajaan BN Negeri Pahang. Dengan label Darul Kasino itu, sekali gus cuba menidakkan segala kebaikan yang Kerajaan BN Negeri lakukan untuk Islam di Pahang selama ini.

Ini umpama pepatah Melayu kita yang menyebut: "Gajah di depan mata tidak

nampak, kuman di seberang laut kelihatan."

Pas seperti sengaja menutup matanya kepada segala kebaikan kerajaan negeri lakukan demi Islam, sebaliknya nampak sangat kononnya ketidakbaikan

yang kerajaan negeri lakukan berhubung soal kelulusan Kerajaan Pusat mengenai lesen mesin slot itu.

Kalau label itu kononnya wajar dan lahir rentetan daripada kewujudan sebuah kasino yang sedia ada di Genting Highlands, ia tidak boleh diambil

kira. Sudahlah tiada lesen kasino yang dikeluarkan kepada pemaju pusat peranginan di Bukit Tinggi itu malah di Genting Highlands pun, kasinonya bukanlah menjadi elemen utama kewujudan pusat peranginan di situ.

Menurut maklumat, daripada 15 juta pengunjung ke Genting Highlands pada

tahun lalu, yang sebahagian besarnya pelancong asing, tidak berapa kerat sangat yang mengunjungi kasino di situ.

Sebahagian besar pengunjung ke Genting Highlands untuk menikmati udara nyaman, mengikuti konvensyen, membawa keluarga ke taman temanya atau menyaksikan persembahan.

Penulis juga pernah mengunjungi Genting Highlands dan mendapati ia dikunjungi pelbagai golongan, termasuk lelaki berkopiah dan wanita bertudung sopan.

Dan mereka ini ke sana bukan untuk berjudi, sekadar menikmati pelbagai kemudahan dan keindahan semula jadi di situ.

Dalam pada kesibukan sebegitu, tidak sedar pun kewujudan sebuah kasino di suatu sudut yang agak terpencil daripada keriuhan dan keceriaan berada

di puncak Genting Highlands ini.

Tup-tup penulis ditahan seorang pegawai keselamatan berbangsa India dengan menegah penulis untuk tidak lagi meneruskan langkah kerana rupa-rupanya menghampiri ke pintu masuk ke kasino itu.

Pegawai keselamatan di situ memang tegas dalam hal ini. Begitu tegas sehingga seseorang yang mengaku pelancong dan mahu memasuki kasino pun perlu menunjukkan pasport antarabangsa. Ini bagi mengesahkan mereka bukan

Melayu-Islam negara ini kerana bukan Islam dilarang memasukinya.

Jadi soalan kita kepada Pas ialah kenapa kecoh-kecoh sangat berkenaan kewujudan Genting Highlands dan bukannya lesen kasino yang diberikan kepada pemaju di Bukit Tinggi, melainkan hanya mahu terus mencari keberuntungan politiknya di situ.

Kalau begitu, kita selaku rakyat terbanyak harus melihat dakyah Pas ini,

termasuk keghairahannya melabelkan Pahang Darul Kasino sebagai satu lagi helah politik mereka untuk sengaja mempengaruhi dan meracuni hati rakyat dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Semoga kita arif mengenainya serta menolak bulat-bulat (seperti

bulatnya lambang bulan parti itu) dakyah itu.

YOPE KEY-DARE,

Kuantan, Pahang.